

SOALAN NO. 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 38

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan bagi membantu mewujudkan penerbangan terus dari Singapura ke Sibu. Adakah sekarang merupakan masa yang sesuai untuk melaksanakan penerbangan terus Singapura ke Sibu dan mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara termasuk daripada Singapura ke Sibu dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - (i) rundingan dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan/meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
 - (ii) memasukkan Sibu sebagai alah satu bandaruntuk diliberalisasikan di bawah perjanjian ASEAN *Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services*. Melalui perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan
 - (iii) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke bandar-bandar utama Sarawak oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.
2. Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara terutama di Sibu sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke Sibu.

3. Pada masa ini, syarikat-syarikat penerbangan negara seperti Malaysia Airlines Berhad (MAB), MASwings dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan domestik ke Sibu dengan kekerapan sebanyak 42 kali seminggu dari beberapa destinasi seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu.
4. Bagi maksud rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Malaysia khususnya di Sibu, ia adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.
5. Selain itu, cadangan untuk mewujudkan penerbangan terus dari Singapura ke Sibu juga adalah tertakluk kepada dasar Kerajaan berhubung pembukaan sempadan negara.

Sekian, terima kasih.